

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

P.T.G. Kn. 3/66/(9)

Kepada semua Ketua-ketua Jajahan,
Kelantan.

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1966

PAJAKAN TANAH DI BAWAH BAB 7(III) UNDANG-UNDANG SIMPANAN TANAH BAGI ANAK-ANAK MELAYU

Bab 7(iii) Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu Kelantan mengsyaratkan bahawa dengan persetujuan Raja di dalam Majlis Mesyuarat adalah sah pendaftaran pajakan bagi tempoh tidak lebih daripada 3 tahun tanah yang dipunyai oleh seorang Melayu yang letaknya di dalam syarat pendaftarannya itu tidak akan dijalankan melainkan pemegang pajak itu memperolehi sijil yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan sebagai yang dinyatakan di dalam Jadual 'A' kepada Undang-undang tersebut.

2. Sebaliknya mengikut bab 221(II) Undang-undang Tanah Kebangsaan pajakan yang didaftarkan di bawah Undang-undang tersebut hanya bagi tempoh lebih daripada 3 tahun. Pendaftaran pajakan di bawah Undang-undang Tanah dijalankan mengikut Borang 15A di dalam Jadual Pertama kepada Undang-undang tersebut.

3. Memandang kepada dua bab yang seolah-olah berlawanan di dalam kedua Undang-undang di atas, maka Pendaftar Tanah mungkin berasa ragu-ragu sama ada Borang 15A boleh digunakan bagi mendaftarkan pajakan tanah yang tertakluk kepada bab 7(iii) Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu. Perkara ini telah diberi kajian dan disahkan bahawa pajakan tanah yang berkehendakan kelulusan Raja di bawah bab 7(iii) Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu boleh menggunakan Borang 15A kepada Jadual Pertama Undang-undang Tanah Kebangsaan dan seterusnya di daftar mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Undang-undang Tanah Kebangsaan itu. Tidak ada apa-apa pindaan kepada Borang tersebut yang diperlukan. Bagaimanapun apabila memenuhi perenggan dua di dalam Borang itu, maka hendaklah diisi tempoh yang diluluskan di bawah bab 7(iii) di dalam Undang-undang Simpanan Tanah Anak-anak Melayu iaitu tidak melebihi tempoh selama 3 tahun.

t.t

(Hashim bin Aman)

Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 2HB. MAC, 1966